



**BAB LIMA**

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Kajian ini tertumpu kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan subjek dan kesannya ke atas pencapaian dan minat subjek terhadap pembelajaran bahasa Arab. Bab ini adalah rumusan daripada pemerolehan dan analisis data kajian yang secara langsung akan menghuraikan tentang dapatan kajian dan menjawab soalan-soalan kajian. Seterusnya, penulis mengemukakan cadangan tindakan dan saranan kajian lanjutan yang sesuai untuk masa hadapan.

#### **5.2 Perbincangan**

Strategi pembelajaran bahasa Arab adalah satu aspek yang baru dikaji. Hanya perbincangan mengenai pendekatan dan strategi pengajaran bahasa Arab telah dikaji dan diberi perhatian seiring dengan perubahan sukanan pelajaran Bahasa Arab di negara ini.

Setelah maklumat diperolehi dari soal selidik, pemerhatian dan ujian bertulis, ia dianalisis secara statistik. Kemudian penulis membincangkan hasil dapatan kajian tersebut dengan huraian yang disertakan bukti statistik. Ini sangat penting bagi menjawab persoalan-persoalan yang diketengahkan di dalam kajian ini.

**5.2.1 Persoalan Pertama: Perbezaan kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab antara kumpulan subjek.**

Berdasarkan data yang dikumpulkan, penulis berjaya menemui perbezaan kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan kumpulan subjek.

Jadual 5.1: Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi(aras "Rendah")			13 14.4%	13 14.4%
selalu tak guna strategi (aras "Rendah")			12 13.3%	12 13.3%
kadang-kadang guna strategi (aras "Sederhana")		2 2.2%	5 5.6%	7 7.8%
selalu guna strategi (aras "Tinggi")	4 4.4%	13 14.4%		17 18.9%
sangat selalu guna strategi (aras "Tinggi")	26 28.9%	15 16.7%		41 45.6%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Jadual 5.1 menunjukkan bahawa subjek Eksperimen A menggunakan strategi di tahap "Tinggi" kerana majoriti subjek iaitu 26 orang sangat selalu menggunakannya dan 4 orang lagi selalu menggunakannya.

Majoriti subjek Eksperimen B iaitu 28 orang juga mencapai tahap penggunaan "Tinggi" kerana 15 orang didapati sangat selalu menggunakan strategi dan 13 orang

selalu menggunakannya. Hanya 2 orang yang didapati kadang-kadang menggunakan strategi dan berada di tahap “Sederhana”.

Hanya 5 orang subjek Kawalan didapati kadang-kadang menggunakan strategi iaitu di tahap “Sederhana” manakala majoriti bakinya berada di aras “Rendah” kerana 12 orang selalu tidak menggunakan strategi dan 13 orang tidak pernah menggunakan strategi.

Jadual 5.2: Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab:

Kumpulan Subjek	N	Min	Med	Mod
Eksperimen A	30	4.8667	5.0000	5.00
Eksperimen B	30	4.4333	4.5000	5.00
Kawalan	30	1.7333	2.0000	1.00

Berdasarkan Jadual 5.2, Kumpulan Eksperimen A didapati paling banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.8667 (mod 5.00), diikuti rapat dengan Kumpulan Eksperimen B yang mencatatkan min 4.4333 (mod 5.00). Kumpulan Kawalan didapati paling sedikit menggunakan strategi tersebut berdasarkan nilai min yang diperolehi jauh paling rendah iaitu 1.7333 (mod 1.00) sahaja.

Seterusnya penulis melakukan analisis ANOVA untuk menganalisis data bagi memaparkan perbezaan kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab antara tiga kumpulan subjek. Analisis varian ini diperlukan untuk membuat perbandingan min bagi sesuatu pemboleh ubah dalam keadaan terdapat lebih daripada dua kumpulan subjek.

Nilai signifikan yang diperolehi ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab antara ketiga-tiga kumpulan subjek (rujuk lampiran D).

Seterusnya, analisa lanjutan dibuat untuk menjelaskan perbezaan yang wujud. Ujian Tukey HSD dipilih. Penulis mendapati semua pasangan subjek ditandakan (\*), ini bermakna terbukti wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Nilai signifikan pasangan Eksperimen A-Eksperimen B ialah (.016), nilai signifikan pasangan Eksperimen A-Kawalan ialah (.000) dan nilai signifikan pasangan Eksperimen B-Kawalan ialah (.000) iaitu semuanya lebih kecil dari (0.05).

Kesimpulannya, telah terbukti secara statistik bahawa subjek kumpulan Eksperimen A paling kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab (min 4.8667), diikuti di tempat kedua oleh subjek kumpulan Eksperimen B (min 4.4333) dan subjek kumpulan Kawalan (min 1.7333) boleh dianggap tidak menggunakan strategi pembelajaran ini.

### **5.2.2 Persoalan Kedua: Strategi yang paling kerap digunakan subjek ketika belajar bahasa Arab.**

Penulis telah mengenalpasti strategi yang paling kerap digunakan oleh subjek secara keseluruhan berdasarkan data yang telah terkumpul. Min digunakan untuk menganalisa secara deskriptif kekerapan penggunaan strategi tersebut.

Jadual 5.3: Taburan min strategi yang paling kerap digunakan

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
memori	90	1.00	5.00	3.3778	1.3456
kognitif	90	1.00	5.00	3.6333	1.5321
pampasan	90	1.00	5.00	3.7000	1.5024
metakognitif	90	1.00	5.00	3.4000	1.3222
afektif	90	1.00	5.00	3.7222	1.4690
sosial	90	1.00	5.00	3.4222	1.3067
Valid N (listwise)	90				

Jadual 5.3 menunjukkan Afektif ialah strategi yang paling kerap digunakan mencatatkan min (3.7222) Diikuti oleh strategi Pampasan (min 3.7000). Strategi ketiga ialah Kognitif iaitu min (3.6333). Menyusul pula strategi Sosial dengan catatan min (3.4222). Strategi Metakognitif di tempat kelima dengan catatan min 3.4000 dan di tempat terakhir ialah strategi Memori min bernilai (3.3778).

Seterusnya, penulis cuba meninjau strategi yang paling kerap digunakan dalam setiap kumpulan subjek. Penulis mendapati setiap kumpulan subjek gemar menggunakan strategi yang berbeza.

Jadual 5.4: Perbezaan Strategi Yang Kerap Digunakan Antara Kumpulan Subjek:

Strategi	Eksperimen A		Eksperimen B		Kawalan	
	Min	Kedudukan	Min	Kedudukan	Min	Kedudukan
Memori	4.2333	6	4.3000	3	1.6000	6
Kognitif	4.9000	2	4.3333	2	1.6667	5
Pampasan	4.8667	3	4.4333	1	1.8000	2
Metakognitif	4.3333	5	4.1667	5	1.7000	4
Afektif	5.0000	1	4.2000	4	1.9667	1
Sosial	4.4333	4	4.1000	6	1.7333	3

Berdasarkan Jadual 5.4, taburan strategi bermula dari paling kerap digunakan hingga paling kurang digunakan mengikut susunan ialah afektif, kognitif, gantirugi, sosial, metakognitif dan memori bagi kumpulan Eksperimen A, manakala kumpulan Eksperimen B pula memilih strategi gantirugi, kognitif, memori, afektif, metakognitif dan sosial. Kumpulan Kawalan boleh dianggap tidak menggunakan strategi kerana min tetinggi yang diperolehi tidak relevan iaitu hanya (1.9667) bagi strategi afektif, kemudian diikuti oleh strategi gantirugi, sosial, metakognitif, kognitif dan memori.

Seterusnya, penulis menggunakan ANOVA untuk menghuraikan wujudnya paras keertian tentang strategi yang paling kerap digunakan oleh subjek mengikut kumpulan. Nilai signifikan yang diperolehi bagi semua strategi yang digunakan ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna memang wujud perbezaan yang signifikan dalam pemilihan penggunaan strategi antara ketiga-tiga kumpulan subjek.

Ujian Tukey HSD digunakan dalam analisis lanjutan untuk menghuraikan bukti secara statistik perbezaan yang wujud dalam pemilihan strategi (rujuk lampiran D).

Tiada perbezaan yang signifikan antara Eksperimen A dan B dalam pemilihan strategi memori (.844). Tetapi kedua-dua kumpulan ini berbeza pada aras yang signifikan dengan kumpulan Kawalan (.000). Ini menunjukkan kedua-dua subjek Eksperimen A dan B lebih kerap memilih strategi memori daripada subjek Kawalan.

Bagi kekerapan penggunaan strategi kognitif pula, terdapat nilai perbezaan signifikan yg tinggi bagi semua kumpulan subjek. Nilai signifikan Eksperimen A-Eksperimen B ialah (.001), Eksperimen A-Kawalan (.000) dan Eksperimen B-

Kawalan (.000). Ini bermakna, subjek Eksperimen A paling menggemari strategi kognitif berbanding subjek Eksperimen B dan subjek Kawalan tetap berada di kedudukan terakhir.

Strategi pampasan juga menjadi pilihan yang kerap digunakan oleh subjek Eksperimen A berbanding subjek Eksperimen B (nilai signifikan 0.028). Namun, kekerapan penggunaan kedua-duanya jauh berbeza jika dibandingkan dengan subjek Kawalan dengan nilai (.000).

Nilai signifikan perbezaan yang tinggi diperolehi antara kedua-dua subjek Eksperimen A dan Eksperimen B dengan subjek Kawalan iaitu (.000) dalam kekerapan menggunakan strategi metakognitif. Tetapi hanya wujud perbezaan yang rendah antara Eksperimen A-Eksperimen B iaitu (.456). Terbuktilah bahawa subjek Eksperimen A dan Eksperimen B sama-sama lebih kerap menggunakan strategi metakognitif daripada subjek Kawalan.

Semua kumpulan subjek mencatatkan perbezaan kekerapan menggunakan strategi afektif pada aras signifikan yang sangat tinggi iaitu (.000). Ini bermakna semua subjek menggemari strategi ini. Walau bagaimanapun, strategi afektif ini paling kerap digunakan oleh subjek Eksperimen A (min 5.000), diikuti oleh subjek Eksperimen B (min 4.2000) dan subjek Kawalan hanya menggunakan sedikit sahaja (min 1.9667).

Strategi sosial juga paling kerap digunakan oleh subjek Eksperimen A berbanding Eksperimen B dengan nilai perbezaan signifikan pada aras (.031). Tetapi jika dibandingkan dengan subjek Kawalan, nilai signifikan yang tinggi diperolehi (.000).

Ini menunjukkan subjek Kawalan kekal berada di tahap yang rendah atau boleh dianggap tidak menggunakan strategi ini.

Kesimpulannya, subjek Eksperimen A paling gemar menggunakan strategi afektif, diikuti oleh strategi kognitif, pampasan, sosial, metakognitif dan memori. Subjek Eksperimen B pula kerap menggunakan strategi pampasan diikuti strategi kognitif, memori, afektif, metakognitif dan sosial. Manakala subjek Kawalan didapati berada di tahap paling rendah dan dianggap paling kurang atau tidak pernah menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab.

### **5.2.3 Persoalan Ketiga: Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di antara kumpulan Eksperimen A dan Eksperimen B.**

Kumpulan Eksperimen A dan Eksperimen B ialah dua kumpulan subjek yang didedahkan kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab secara langsung dalam sesi pembelajaran di kelas. Selain berbeza jurusan, subjek mengalami pengalaman yang berlainan iaitukekangan mempelajari bahasa Arab dan kurang pendedahan kepada asas mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi sebagaimana yang telah dihuraikan dahulu. Oleh kerana keperluan sukanan pelajaran yang sama dan peperiksaan yang setara, penulis menjalankan eksperimen perlaksanaan strategi secara serentak ke atas kedua-dua kumpulan subjek di dalam jadual waktu persekolahan yang diperuntukkan.

Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua kumpulan subjek dalam perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab ini. Penulis telah menghuraikan perbezaan dari aspek pemilihan jenis strategi dan kekerapan penggunaannya antara kedua kumpulan

subjek di dalam 5.2.2 yang lalu. Kini, penulis menggunakan Ujian-T bagi membuktikan secara statistik perbezaan penggunaan strategi antara keduanya.

Jadual 5.5 Analisis Ujian-T perbandingan antara Eksperimen A dan Eksperimen B dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab

Strategi	Kumpulan subjek	Min	Std. Deviation	Ujian-T	Sig. (2-tailed)
Penggunaan strategi (keseluruhan)	Eksperimen A Eksperimen B	4.8667 4.4333	.3457 .6261	3.319	.002*
Memori	Eksperimen A Eksperimen B	4.2333 4.3000	.4302 .4661	-.576	.567
Kognitif	Eksperimen A Eksperimen B	4.9000 4.3333	.3051 .7581	3.798	.000*
Pampasan	Eksperimen A Eksperimen B	4.8667 4.4333	.3457 .7739	2.800	.007*
Metakognitif	Eksperimen A Eksperimen B	4.3333 4.1667	.4795 .4611	1.372	.175
Afektif	Eksperimen A Eksperimen B	5.0000 4.2000	.0000 .9965	4.397	.000*
Sosial	Eksperimen A Eksperimen B	4.4333 4.1000	.5040 .5477	2.453	.017*

Perhatian: Eksperimen A: N=30. Eksperimen B: N=30

Bagi penggunaan strategi secara keseluruhan, nilai signifikan yang diperolehi ialah (0.002) manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah (0.05). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan (lihat lampiran D).

Kesimpulannya, analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan subjek ialah pada penggunaan strategi kognitif (0.000), pampasan (0.007), afektif (0.000) dan sosial (0.017). Tiada perbezaan yang

signifikan antara keduanya dalam penggunaan strategi memori (0.567) dan metakognitif (0.175). Dapatan ini selari dengan hasil jadual 5.4 yang menunjukkan persamaan kekerapan penggunaan strategi kognitif di tempat kedua dan strategi metakognitif di tempat kelima.

Penulis mendapati subjek Eksperimen A sangat cenderung menggunakan strategi afektif. Strategi ini berfokus kepada pengawalan emosi, atitud, motivasi dan nilai kendiri sepanjang sesi pembelajaran bahasa Arab. Pemilihan ini mungkin disebabkan kesan kekecewaan yang mendalam akibat kemerosotan pencapaian bahasa Arab mereka dalam Ujian Pra. Sasaran mereka ialah pencapaian yang cemerlang dalam Ujian Pos untuk menebus kekecewaan yang lalu. Mereka didapati cuba memulihkan keyakinan, semangat dan motivasi serta berusaha mengawal emosi dan atitud supaya tidak putus asa atau tertekan.

Subjek Eksperimen A juga suka menggunakan strategi kognitif yang menggerakkan semua proses mental dan pemikiran untuk mengaplikasi pembelajaran. Kemampuan mental yang dimiliki digunakan secara aktif dalam mempraktikkan aktiviti pembelajaran. Mereka gemar belajar secara memindahkan maklumat kepada sesuatu yang lebih praktikal melalui perlakuan, penemuan dan pengalaman kendiri.

Strategi pampasan menjadi strategi ketiga yang digemari oleh subjek Eksperimen A. Akibat dari ketinggalan banyak topik pelajaran semasa Semester 1, subjek Eksperimen A terpaksa mempelajari semua sukatan pelajaran Bahasa Arab Tinggi tingkatan 4 dalam Semester 2. Strategi mencari gantirugi ini sesuai bagi mereka kerana ia membantu mengatasi masalah ini.

Subjek Eksperimen B didapati lebih cenderung menggunakan semua strategi yang berkait secara langsung dengan penguasaan bahasa sasaran iaitu pampasan, kognitif dan memori. Mereka tidak menghadapi sebarang masalah yang rumit sepanjang Semester Pertama. Oleh itu, mereka hanya menumpukan sasaran untuk meningkat dan memperbaiki prestasi pencapaian dalam Ujian Pos.

Kesimpulannya, walaupun kedua-dua kumpulan subjek sama-sama aktif menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab, jenis strategi yang gemar digunakan adalah berbeza. Ini dipengaruhi oleh masalah yang dihadapi, pengalaman pembelajaran yang lalu, kemampuan mental dan peluang yang dimiliki serta keperluan untuk mencapai sasaran terkini.

#### **5.2.4 Persoalan Keempat: Perbezaan pencapaian bahasa Arab antara kumpulan subjek.**

Sebagaimana yang telah dinyatakan semasa melihat keputusan Bahasa Arab Komunikasi peringkat PMR, semua subjek memiliki potensi yang hampir sama secara asasnya untuk menguasai bahasa Arab.

Penulis memulakan kajian dengan merekodkan keputusan Ujian Pra. Kemudian sesi perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab bagi subjek Eksperimen A dan B dan pemerhatian dijalankan. Di akhir sesi ini, subjek diminta mengisi borang soal selidik bahagian 2 dan 3. Kajian ini dilengkapkan dengan merekodkan keputusan Ujian Pos yang dijalankan diakhir tahun. Analisa dilakukan untuk mengkaji kesan perlaksanaan strategi ke atas pencapaian bahasa Arab bagi setiap kumpulan subjek.

Jadual 5.6: Perbandingan keputusan ujian bertulis Eksperimen A (N=30)

	A		B		C		D		E
BAK PMR	23		6		1		-		-
	A1	A2	B3	B4	C5	C6	D7	E8	G9
Ujian Pra	-	-	-	-	1	2	12	8	7
Ujian Pos	10	13	6	1	-	-	-	-	-

Berdasarkan jadual 5.6, subjek Eksperimen A mencatatkan keputusan yang mengecewakan dalam Ujian Pra iaitu tidak diduga berbanding dengan potensi yang telah ditunjukkan dalam PMR. Setelah menjalani sesi perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab, kelihatan peningkatan yang boleh dibanggakan dengan pencapaian 10 orang A1, 13 orang A2, 6 orang B3 dan seorang B4.

Jadual 5.7 Perbandingan keputusan ujian bertulis Eksperimen B (N=30)

	A		B		C		D		E
BAK PMR	17		8		5		-		-
	A1	A2	B3	B4	C5	C6	D7	E8	G9
Ujian Pra	3	3	5	5	4	3	4	-	3
Ujian Pos	9	7	9	4	1	-	-	-	-

Jadual 5.7 menunjukkan subjek Eksperimen B turut memiliki potensi yang cemerlang dalam BAK diperingkat PMR. Keputusan Ujian Pra menunjukkan mereka cuba terus mempertahankan potensi tersebut tetapi 3 orang gagal. Setelah menjalani sesi perlaksanaan strategi, mereka berjaya mencatatkan peningkatan prestasi yang positif di dalam Ujian Pos di mana semua subjek lulus dengan kualiti yang baik.

Jadual 5.8 Perbandingan keputusan ujian bertulis Kawalan (N=30)

	A		B		C		D		E
BAK PMR	17		9		4		-		-
	A1	A2	B3	B4	C5	C6	D7	E8	G9
Ujian Pra	-	1	1	3	9	11	5	-	-
Ujian Pos	-	-	-	6	5	5	4	5	5

Berdasarkan jadual 5.8, ternyata subjek Kawalan telah mencatatkan keputusan yang lebih baik daripada Eksperimen B dalam BAK di peringkat PMR. Di dalam Ujian Pra, semua subjek lulus tetapi dengan kualiti yang sederhana. Keputusan Ujian Pos menunjukkan kemerosotan yang ketara dari segi kualiti dan bilangan lulus. Masalah yang dihadapi subjek telah diuraikan dalam 4.8 yang lalu.

Untuk membuktikan perbezaan pencapaian subjek secara statistik, penulis menjalankan Ujian ANOVA. Nilai signifikan yang diperolehi ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna memang terdapat perbezaan pencapaian secara statistik antara pencapaian kumpulan subjek (rujuk lampiran).

Seterusnya Ujian Tukey HSD digunakan dalam analisis lanjutan ke atas perbezaan yang wujud. Paras signifikan perbezaan pencapaian antara Eksperimen A dan Eksperimen B mencatatkan nilai yang rendah iaitu (.416). Tetapi nilai signifikan perbezaan yang sangat tinggi diperolehi antara Eksperimen A-Kawalan dan Eksperimen B-Kawalan.

Kesimpulannya, telah terbukti secara statistik bahawa di akhir kajian, kumpulan yang mencatatkan kejayaan cemerlang dalam pencapaian bahasa Arab ialah Eksperimen A (min 8.0667) dan Eksperimen B (min 7.6333). Kedua-dua kumpulan

subjek tersebut telah didedahkan dengan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab. Manakala pencapaian kumpulan Kawalan didapati agak lemah (min 3.6000).

#### **5.2.5 Persoalan Kelima: Perbezaan minat terhadap pembelajaran bahasa Arab antara kumpulan subjek.**

Setelah tamat sesi pemerhatian dan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab, subjek mengisi borang soal selidik bahagian 2 yang menyingkap situasi yang berlaku semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas dan minat serta persepsi subjek terhadap bahasa Arab.

Penulis telah memaparkan dapatan statistik ke atas hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan minat subjek secara keseluruhan dalam jadual 4.43. Hasilnya, nikai pekali yang diperolehi membuktikan terdapat kolerasi yang tinggi di antara keduanya.

Seterusnya, bagi memperincikan kesan penggunaan strategi ke atas minat bagi setiap kumpulan subjek, penulis menjalankan ujian ANOVA. (Semua hasil ujian dikembarkan di bahagian lampiran D).

Nilai signifikan yang diperolehi bagi menggambarkan minat belajar bahasa Arab bagi setiap kumpulan subjek ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna terdapat perbezaan pada minat belajar bahasa Arab antara ketiga-tiga kumpulan subjek.

Analisis lanjutan menggunakan Tukey HSD dibuat untuk menjelaskan perbezaan yang wujud. Semua nilai signifikan yang diperolehi adalah tinggi iaitu pasangan Eksperimen A-B ( .016), pasangan Eksperimen A-Kawalan ( .000) dan pasangan Eksperimen B-Kawalan ( .000).

Telah terbukti secara statistik bahawa subjek Eksperimen A didapati paling berminat untuk belajar bahasa Arab (min 4.0000), diikuti subjek Eksperimen B (min 3.7000) dan subjek Kawalan (min 1.7000) dianggap kurang berminat.

Penulis menghuraikan dengan lebih jelas dan kukuh maksud minat mempelajari bahasa Arab dengan memaparkan persepsi subjek terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Berdasarkan ujian ANOVA, nilai signifikan terhadap persepsi subjek bahawa bahasa Arab mudah dipelajari ialah ( .000). Ini bermakna, terdapat perbezaan pendapat antara subjek berkenaan isu ini.

Ujian Tukey HSD menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara tanggapan subjek Eksperimen A dan B (nilai signifikan 0.064). Tetapi apabila dibandingkan keduanya dengan subjek Kawalan, nilai signifikan yang diperolehi sangat tinggi iaitu ( .000).

Kesimpulannya, bagi mengukuhkan bahawa mereka memang beminat, subjek Eksperimen A (min 3.7000) dan B(min 3.4333) juga menganggap bahasa Arab mudah dipelajari tetapi ini dinafikan oleh subjek Kawalan (min 1.8333).

Ujian ANOVA dilakukan pula untuk mengkaji perbezaan keseronokan subjek semasa belajar bahasa Arab di dalam kelas. Nilai signifikan perbezaan yang diperolehi sangat tinggi iaitu (.000). Kaedah Tukey HSD digunakan dalam analisis lanjutan. Pasangan Eksperimen A-B tidak menunjukkan perbezaan yang ketara (nilai signifikan 0.671). Namun, apabila perbandingan dilakukan antara keduanya dengan subjek Kawalan, nilai mendadak naik ke paras (0.000).

Kesimpulannya, subjek Eksperimen A (min 3.9333) dan Eksperimen B (min 3.8333) sangat seronok belajar bahasa Arab tetapi subjek Kawalan (min 1.7333) tidak merasa demikian.

Perbezaan keazaman subjek untuk belajar bahasa Arab tanpa berputus asa jika menghadapi masalah dikaji menerusi ujian ANOVA. Nilai signifikan perbezaan yang diperolehi sangat tinggi iaitu (.000). Analisis lanjutan menggunakan kaedah Turkey HSD menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara semua kumpulan subjek. Nilai pekali Eksperimen A-B ialah (.014), Eksperimen A-Kawalan (.000) dan Eksperimen B-Kawalan (.000).

Kesimpulannya, terdapat perbezaan secara statistik dalam isu ini antara subjek Eksperimen A (min tertinggi iaitu 3.8333), Eksperimen B (min 3.5000) dan subjek Kawalan yang didapati mudah berputus asa (min 2.000).

Ujian ANOVA juga membuktikan terdapat perbezaan tanggapan dan keyakinan diri antara kumpulan subjek pada tahap pencapaian bahasa Arab mereka pada masa itu. Nilai signifikan yang dicatatkan ialah (.000). Nilai yang direkodkan dalam analisis lanjutan menerusi kaedah Tukey HSD mendapati tiada perbezaan antara subjek

Eksperimen A dan B tetapi jika dibandingkan dengan subjek Kawalan, nilai signifikannya naik mendadak iaitu (.000).

Kesimpulannya, subjek Eksperimen A (min 4.4333) dan B (min 4.3667) sama-sama yakin pada tahap pencapaian kendiri dalam bahasa Arab pada masa itu. Namun, keadaan subjek Kawalan adalah sebaliknya (min 2.3000).

Minat terhadap pembelajaran bahasa Arab memberi kesan ke atas keyakinan subjek untuk menghadapi peperiksaan, meletakkan sasaran yang positif dalam SPM dan keinginan untuk terus melanjutkan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi.

Perbezaan keyakinan antara subjek untuk menghadapi peperiksaan bahasa Arab diuji menggunakan ANOVA. Hasilnya, nilai signifikannya ialah (.000). Analisis lanjutan dijalankan ke atas perbezaan yang wujud ini. Pasangan Eksperimen A-B tidak menunjukkan perbezaan yang ketara (.494) tetapi subjek apabila dibandingkan dengan subjek Kawalan, nilainya meningkat kepada (.000).

Kesimpulannya, subjek Eksperimen A (min 3.8333) dan Eksperimen B (min 3.7000) sama-sama berkeyakinan dan bersedia untuk menghadapi peperiksaan bahasa Arab pada masa itu tetapi subjek Kawalan pula tidak yakin atau bersedia menghadapinya (min 1.5000).

Perbezaan persepsi subjek mempengaruhi mereka dalam meletakkan sasaran pencapaian bahasa Arab di peringkat SPM. Nilai signifikan yang tinggi (.000) dalam Ujian ANOVA membuktikan kewujudan perbezaan ini. Analisis lanjutan

mendapati tiada perbezaan yang ketara antara subjek Eksperimen A dan B dalam isu ini. Namun apabila dibandingkan dengan subjek Kawalan, nilai ini meningkat kepada paras tinggi (.000).

Kesimpulannya, subjek Eksperimen A (min 4.9333) dan Eksperimen B (min 4.7667) sama-sama berkeyakinan mereka akan mencapai sasaran yang cemerlang dalam bahasa Arab di peringkat SPM tetapi subjek Kawalan kurang berkeyakinan (min 3.4667).

Ujian ANOVA membuktikan terdapat perbezaan di kalangan subjek pada keinginan untuk terus melanjutkan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi (catatan nilai signifikan 0.000). Analisis lanjutan mendapati tiada perbezaan yang jelas antara subjek Eksperimen A dan B (nilai 0.151). Tetapi setelah dibandingkan dengan subjek Kawalan, nilai signifikannya meningkat kepada (0.000).

Kesimpulannya, terdapat bukti perbezaan secara statistik dalam isu ini. Subjek Eksperimen A (min 4.4000) dan Eksperimen B (min 4.0000) sama-sama berkeinginan untuk terus mempelajari bahasa Arab semasa melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Subjek Kawalan pula seolah-olah serik dan tidak mahu berbuat demikian (min 1.0667).

### **5.3 Rumusan Kajian**

Kajian ini merekodkan secara ilmiah penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang diadaptasi dari *Strategy Inventory for Language Learning* (Oxford, 1990: 293). Ia diaplikasi dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan subjek yang semuanya

menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama. Dengan ciri komunikatif yang dimiliki, strategi ini mampu menyedarkan subjek bahawa bahasa Arab mudah dipelajari. Ia juga boleh digunakan dalam pelbagai bentuk dan fungsi interaksi meliputi pelbagai aspek kehidupan tidak hanya terhad kepada kegunaan ibadah sahaja.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa 31.1% subjek mempelajari bahasa Arab bertujuan menjadikannya sebagai aset penting dalam persediaan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara dalam pelbagai jurusan kerana ia bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi, malahan sebagai bahasa pengantar bagi pelbagai sumber rujukan maklumat dan ilmu.

Oleh itu, pelajar dari pelbagai jurusan perlu didedahkan kepada strategi pembelajaran bahasa Arab secara terancang, diperluaskan fungsi heuristik kepada pelbagai bidang ilmu dan dilatih untuk menggunakannya secara praktikal dan berkesan. Fungsi heuristik dalam bahasa ialah menjadikannya sebagai alat untuk mempelajari dan memahami sesuatu ilmu atau konsep. Ia merupakan asas mempelajari pengetahuan melalui berbagai disiplin ilmu.

Dalam kajian ini, penulis memaparkan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab oleh beberapa kumpulan subjek dan kesannya ke atas minat dan pencapaian.

Kajian membuktikan pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran mampu mengekalkan tahap minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab. Minat merupakan daya penggerak kepada seseorang untuk memberi perhatian kepada

seseorang, benda atau kegiatan. Pelajar memerlukan daya penggerak untuk membantu mereka supaya memberikan perhatian kepada mata pelajaran yang dipelajari. Minat juga penting untuk menyelesaikan masalah yang berpunca dari sikap dan persepsi pelajar. Pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dan persepsi yang positif terhadap bahasa Arab lebih terdorong untuk berusaha melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran serta mampu merancang, mengurus dan menilai pembelajaran.

Pengekalan tahap minat yang tinggi di kalangan pengguna strategi juga menjadikan mereka lebih aktif dan kritis semasa belajar. Mereka didapati memiliki persepsi yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Bagi mereka, penggunaan strategi membantu mereka memilih aktiviti dan latihan yang sesuai dan berkesan untuk lebih memahami dan menguasai pelajaran. Ini menjadikan bahasa Arab mudah dan seronok untuk dipelajari.

Penggunaan strategi didapati memupuk keyakinan diri pelajar. Mereka percaya kepada kebolehan diri menguasai bahasa Arab, berkeyakinan untuk menghadapi peperiksaan dan berani meletakkan sasaran yang tinggi pada peperiksaan akan datang. Ini membawa kepada peningkatan yang ketara dalam pencapaian prestasi bahasa Arab. Mereka telah mencapai keputusan yang cemerlang di akhir kajian berbanding dengan keputusan yang mengecewakan sebelum kajian. Pencapaian yang baik dalam peperiksaan bahasa Arab menambahkan komitmen pelajar untuk terus mempelajarinya di peringkat lebih tinggi.

Penulis mengenalpasti kelemahan dalam menguasai bahasa Arab berpunca dari masalah pelajar yang tidak tahu menyusun-atur cara belajar dan mengulangkaji

pelajaran bahasa Arab dengan berkesan, mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab satu hala di kelas yang membosankan, kurang latihan yang terancang, kurang aktiviti memupuk empat kemahiran bahasa secara bersepada, kurang terdedah kepada bahan tambahan bahasa Arab, kurang berpeluang mengaplikasi kemahiran berbahasa dan tidak memahami dengan jelas kegunaan dan faedah mempelajari bahasa Arab untuk kehidupan dan profesion masa hadapan.

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dapat membantu pelajar menghadapi masalah dengan bijak dan tanpa berputus asa di samping meneruskan pembelajaran berikutnya dengan baik. Di dalam kajian ini, penulis mendapati penggunaan strategi pembelajaran bahasa ini telah menghasilkan lonjakan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Mereka menjadi kreatif dan inovatif memilih strategi yang difikirkan sesuai untuk mengatasi masalah semasa belajar atau mencari gantirugi jika ketinggalan pelajaran.

Strategi memori membantu pelajar merekod dan menyimpan maklumat dengan teratur supaya mudah mengeluarkannya bila diperlukan. Penggunaan rantaian mental, aplikasi imej dan bunyi, skala latih-tubi yang terancang dan gerak kerja interaktif semasa menerima maklumat mampu membebaskan pelajar dari bebanan menghafal perbendaharaan kata serta kaedah tata bahasa dan saraf mengikut kaedah pembelajaran klasik yang selalunya mengambil masa yang lama dan membosankan.

Strategi kognitif membantu pelajar mengorganisasikan sistem mental dan kognisinya dalam proses pembelajaran, pemahaman dan pemerolehan pengetahuan. Ia menggabungkan pembelajaran abstrak dan amalan kaedah fungsional merangkumi aktiviti pelaziman, keupayaan menerima dan menghantar mesej secara

lisan dan penulisan, menganalisa teks secara deduktif dan membina struktur input dan output terhadap intisari teks. Ini diperlukan dalam memupuk kemahiran membaca, memahami dan menghurai teks serta meningkatkan kemahiran penulisan.

Strategi pampasan banyak membantu pelajar mengatasi masalah keciciran maklumat yang lalu, lupa fakta dan kesukaran mengeluarkan maklumat yang disimpan ketika diperlukan. Penggunaan strategi komunikasi dan teknik meneka secara intelektual boleh memecahkan kebuntuan pelajar semasa melakukan aktiviti lisan dan menjawab soalan bertulis. Ia meliputi pengalihan kod, penjedaan, pengulangan, rayuan dan penggunaan non-verbal untuk aktiviti lisan serta penciptaan perkataan baru, penghampiran, deskripsi, terjemahan literal, parafrasa untuk menjawab soalan latihan dan peperiksaan. Inilah yang dikatakan oleh Tarone (1983: 67) sebagai:

*"A systematic attempt by the learner to express or decode meaning in the target language, in situations where the appropriate systematic target language rules have not been formed"*

Sesuai dengan prinsip KBSM yang berfokuskan pelajar, strategi metakognitif membantu mengorganisasi operasi pemikiran dan penyusunan data mengikut keutamaan keperluan dan aras yang sesuai. Pelajar menyedari cara mereka berfikir, merancang pembelajaran, mengenalpasti maklumat, menyelesaikan masalah serta memantau pembelajaran dan menilai tahap penguasaan. Ini membantu pelajar memanfaatkan pengajaran guru di kelas dan mengulangkaji pelajaran di luar waktu persekolahan. Ia meningkatkan kemampuan pelajar memberi tumpuan terhadap pengajaran guru, mahir menyediakan nota yang berkesan, menyusun jadual waktu pembelajaran dan membuat penilaian prestasi kendiri.

Masalah tidak yakin, malu, bimbang untuk menghadapi peperiksaan, takut membuat kesilapan atau sukar menerima maklumat baru yang mencabar boleh diatasi menggunakan strategi afektif di mana pelajar dilatih mengawal emosi, atitud dan nilai kendiri.

Strategi sosial memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan bahasa Arab yang telah dipelajari dalam interaksi dua hala samada bersama guru atau sesama pelajar menerusi perbualan, pembentangan hasil aktiviti dan sesi soal jawab Gerak kerja dan tugas berpasukan mendidik pelajar supaya boleh bekerjasama dengan orang lain, bantu-membantu dan menyuburkan sikap empati.

Pelajar yang memahami budaya masyarakat penutur Arab pula akan merasa seolah-olah bahasa Arab meresapi jiwynya dan tidak lagi merasa terasing dan kekok ketika menggunakaninya. Pemahaman budaya Arab adalah penting untuk memahami pola pemikiran yang dizahirkan dalam bahasa tersebut. Ini membolehkan pelajar mempamerkan pertuturan dan perlakuan non-verbal yang sesuai agar dapat diterima oleh penutur natifnya.

Menurut Teo Kok Seong (1996: 912):

Jika pelajar/penutur bahasa kedua dapat menguasai bahasa bersama-sama dengan budayanya maka dia dapat menguasai apa yang dikatakan oleh bahasa dan apa yang dimaksudkannya. Tanpa mengenal nilai budayanya, maksud sesuatu bahasa itu akan terlindung. Signifikan budaya sesetengah penjelasan dan arahan tidak dapat difahami sepenuhnya jika pelajar bahasa kedua tidak menyedari nilai-nilai budaya tertentu. Hal ini terjadi apabila

seseorang itu memahami semua perkataan tetapi gagal menangkap maksud segala konotasinya.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar membantu mereka menggunakan potensi diri merangkumi jasmani, emosi, rohani dan intelek secara optimum untuk menguasai bahasa Arab secara lisan dan penulisan. Ia telah memupuk persepsi positif bahawa bahasa Arab mudah dan seronok untuk dipelajari serta segala masalah yang timbul boleh diatasi dengan bijak. Ini mengekalkan minat dan keyakinan pelajar di tahap yang tinggi dan seterusnya menghasilkan pencapaian yang cemerlang di dalam peperiksaan bahasa Arab.

#### **5.4 Cadangan Tindakan**

Setelah melihat kekuatan dan kelemahan hasil analisis dapatan kajian ini, penulis menyenaraikan beberapa cadangan untuk diambil tindakan supaya pelajar berpeluang mempraktikkan strategi pembelajaran bahasa Arab secara optimum. Usaha ini memerlukan gabungan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan pendidikan negeri dan daerah, institut pengajian tinggi, guru bahasa Arab dan pelajar.

##### **5.4.1 Melaksanakan Program Khas Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dengan terancang.**

Selain menghadiri seminar teknik menjawab soalan peperiksaan, pelajar perlu didedahkan kepada strategi yang dapat menunjukkan teknik belajar

bahasa Arab yang dapat membantu mereka mengorganisasi pembelajaran dengan berkesan. Oleh itu, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan kerjasama Pusat Perkembangan Kurikulum, perlu merangka suatu modul kecemerlangan bahasa Arab. Salah satu modul yang boleh dilaksanakan ialah Program Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab. Jawatankuasa khas perlu dibentuk untuk merancang modul pembelajaran yang berfokus kepada penggunaan set aktiviti yang menerapkan strategi pembelajaran bahasa Arab yang berpusatkan pelajar. Setelah penyelidikan lapangan dan kajian rintis dijalankan di beberapa sekolah terpilih, pengubahsuaian sukanan pelajaran dan penggubalan buku teks boleh dilakukan dari semasa ke semasa. Guru-guru bahasa Arab perlu dilatih menjadi fasilitator yang cekap membimbing pelajar melaksanakan modul ini mengikut keadaan yang betul.

#### 5.4.2 Menjalankan projek Kajian Tindakan Bahasa Arab.

Pelan kajian tindakan telah dilaksanakan ke atas berbagai aspek pendidikan. Namun, pelan kajian tindakan khusus untuk mengkaji masalah pembelajaran bahasa Arab dan mencari penyelesaian secara ilmiah dan praktikal masih belum dijalankan. Ia boleh dikelolakan oleh satu jawatankuasa khas di kalangan guru bahasa Arab yang dilantik oleh Sektor Pendidikan Islam dan Moral di semua Jabatan Pendidikan Negeri. Budaya penyelidikan ini penting supaya pegawai pendidikan dan guru bahasa Arab dapat ‘turun padang’ mengkaji masalah sebenar yang dihadapi di sekolah, membuat penyelidikan, menganalisis dapatan dan membuat rumusan serta cadangan tindakan penyelesaian masalah. Hasil penyelidikan yang telah dibuktikan secara

ilmiah dan berstatistik ini sangat diperlukan untuk merangka dasar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih berkesan dan praktikal.

5.4.3 Mewujudkan mekanisme penghubung antara sekolah dengan institut pengajian tinggi.

Mekanisme ini penting untuk mempertingkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Kementerian Pendidikan boleh memanfaatkan kepakaran idea dan tenaga pengajar di universiti di samping menjadikan universiti sebagai medan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang membantu menyediakan bahan pembelajaran bahasa Arab yang praktikal. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan boleh mengutarakan bidang-bidang pengkajian yang boleh dilakukan oleh pihak universiti. Fakulti Pendidikan dan Fakulti Bahasa di universiti boleh menjadi penyelaras dan penyelia bagi kajian-kajian lapangan berkenaan. Kesinambungan sukatan pelajaran bahasa Arab antara tahap sekolah rendah, menengah dan universiti juga perlu dititikberatkan.

5.4.4 Mengadakan program pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khas.

Pelajar juga perlu memahami dengan jelas tujuan belajar bahasa Arab. Selain dari berfungsi untuk tujuan komunikasi, bahasa Arab juga memiliki variasi penggunaan dalam berbagai situasi yang dinamakan laras bahasa. Makna bagi ujaran, perkataan dan frasa sesuatu bahasa akan berubah jika digunakan dalam konteks atau situasi yang berlainan. Bahasa yang digunakan dalam khutbah Jumaat, bahasa yang digunakan oleh pramugari semasa membuat

pengumuman, bahasa telefonis ketika menyambungkan talian dan bahasa pengulas sukan serta penganalisa saham pastinya berbeza. Para pelajar dari berbagai jurusan pengajian perlu didedahkan dengan pembelajaran laras bahasa Arab yang boleh digunakan untuk tujuan yang berbeza. Ini adalah untuk memenuhi keperluan profesion akan datang yang meliputi berbagai bidang termasuklah keagamaan, perniagaan, perlancongan, politik, media masa dan lain-lain.

#### 5.4.5 Mempertingkatkan mutu profesionalisme guru bahasa Arab.

Sebaik-baiknya, guru yang mengajar bahasa Arab mestilah guru yang memang memiliki kelayakan dalam pengkhususan bahasa Arab yang diiktiraf dan bukan dipinjam dari kalangan guru pengajian Islam yang kebanyakannya bukan sahaja kurang cekap berbahasa Arab secara lisan dan penulisan malah kurang pakar dalam pedagogi pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Guru bahasa Arab perlu melengkapkan diri dengan strategi pengajaran dan pembelajaran terkini. Selain menyampaikan isi pelajaran dan fakta akademik, mereka perlu tahu merangka dan melaksanakan strategi, aktiviti dan latihan yang berkesan untuk menghidupkan pembelajaran bahasa Arab. Mereka juga perlu memiliki kemahiran ICT dan kerap melakukan penyelidikan. Ini boleh diperolehi melalui kursus dalam perkhidmatan atau melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran dalam bidang berkaitan bahasa Arab. Semua ini penting dalam usaha mempersiapkan diri untuk memainkan peranan sebenar sebagai fasilitator yang membimbing pelajar bagaimana menjadi pelajar bahasa Arab yang cemerlang dan bijak mengorganisasi pembelajarannya.

**5.4.6 Menyediakan Pusat Sumber Bahasa Arab yang lengkap di sekolah.**

Pusat Sumber Bahasa Arab yang lengkap di sekolah sangat diperlukan bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran bahasa Arab secara optimum. Selain bahan bacaan bahasa Arab yang terdiri daripada buku rujukan, buku cerita, majalah dan ensaiklopedia, ia mestilah juga dibekalkan dengan set komputer yang lengkap dengan perisian interaktif bahasa Arab, set pemain VCD, OHP dan makmal bahasa atau sudut karel yang lengkap dengan alat pandang dengar bahasa Arab. Pihak pentadbir dan pengurusan pusat sumber sekolah boleh bekerjasama dengan Bahagian Teknologi Pendidikan, kedutaan negara-negara Timur Tengah dan pihak media penyiaran untuk mendapatkan bahan bercetak dan bukan bercetak yang diperlukan.

**5.4.7 Menjalankan program integrasi antara pelajar sekolah dan penutur Arab.**

Kehadiran penuntut berbangsa Arab di pusat pengajian tinggi di negara ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk melaksanakan program ini. Kecekapan berbahasa dapat dipupuk sekiranya pelajar dapat mempraktikkan bahasa Arab yang telah dipelajari bersama penutur bahasa tersebut secara langsung dalam aktiviti tertentu seperti seminar, perkhemahan, bengkel khas kecekapan bahasa, keluarga angkat dan sebagainya.

**5.4.8 Mewujudkan bentuk proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel.**

Pendidikan bersifat fleksibel dan terdedah kepada perubahan berdasarkan keperluan semasa. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran juga wajar

diubahsuai dan diberi nafas terkini. Ini meliputi:

a) Pendekatan:

Pelajar hendaklah belajar tata bahasa menerusi kaedah penggunaan di dalam ayat yang praktikal dan berkaitan kehidupan sehari-hari. Daud 'Abduh (1990) dalam Mat Taib Pa (2001) menjelaskan konsep penggunaan dan praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran nahu adalah sebagai cara untuk memperolehi kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang dengan itu seseorang dapat menggunakan bahasa Arab dengan betul.

Pelajar perlu membebaskan diri dari ikatan tradisi mendengar syarahan dan menghafal kaedah nahu dan saraf semata-mata. Dr. Ahmad Syalaby (1980: 20) pernah berkata:

"Belajar bahasa Arab dengan kaedah nahu mengambil masa yang lama. Apabila tamat pengajian, pelajar tidak mendapat banyak manfaat dari apa yang dipelajari."

b) Aplikasi kemahiran lisan:

Aspek kemahiran lisan sering diabaikan kerana sistem peperiksaan yang hanya menekankan penilaian bertulis. Ini telah menafikan sebahagian hak dan fungsi bahasa Arab sebagai bahasa berinteraksi. Dr. Mohammad Abdul Qadir Ahmad (1983: 242) pernah mengingatkan:

"Sejak dahulu lagi manusia telah mengetahui bahasa pertuturan sebelum bahasa tulisan. Kerana itu, bermula dengan mengajar pertuturan adalah satu langkah yang biasa kemudian selepas itu, diajar pula penulisan."

Untuk melembut dan memperbetulkan sebutan pelajar, mereka boleh digalakkan supaya kerap membaca al-Qur'an dengan lancar dan menghafaznya sebagaimana pendapat Muhammad Nur bin 'Abdul al-Hafid Suwaīd (1992: 230):

"Apabila mahu mengajar dan mendidik kanak-kanak, mulai dengan mengajar al-Qur'an berserta bahasa Arab."

c) Aplikasi kemahiran membuat ayat dan ta'bir:

Pelajar mesti diajar membuat ayat secara berperingkat dan terancang bermula dari ayat selapis dan diikuti ayat majmuk. Mereka perlu dibimbang membuat rangka karangan atau peta konsep dan seterusnya dilatih mengungkap idea dan fakta (ta'bir) berdasarkan isi penting, gambar atau peristiwa tertentu. Kelemahan menjawab soalan menulis karangan berpunca dari kelemahan membuat ayat. Kebanyakan guru tidak gemar mengajar menulis karangan. Mereka hanya menulis tajuk karangan di papan hitam dan membiarkan pelajar menyiapkan sendiri karangan tanpa bimbingan. Malah, ramai pelajar yang diwajibkan menghafaz keseluruhan karangan yang diberi oleh guru dengan harapan ia akan disoal dalam peperiksaan.

d) Bahan:

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan melibatkan penggunaan bahan bantuan yang menarik dan praktikal. Guru yang inovatif biasanya bijak memanipulasi sifat idea kreatif dan kerjasama pelajar untuk menghasilkan kad imbasan, lembaran latihan dan

aktiviti, peralatan permainan bahasa, carta minda, buku skrap, peta konsep, model tiga dimensi dan lain-lain.

Bahan mestilah berkaitan dengan tajuk yang dipelajari, praktikal untuk digunakan serta bolehlah dihias dengan gaya persempahan yang cantik dan menarik. Di samping itu, pelajar juga boleh memanfaatkan bahan bercetak dan media elektronik yang ada di pusat sumber dan kemudahan ICT di makmal komputer.

e) Susun atur bilik darjah:

Susun atur kerusi dan meja guru dan pelajar di bilik darjah perlu diubahsuai mengikut aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan seperti pembentangan dapatan perbincangan, perbahasan, kuiz, perbincangan kelompok, perbincangan umum, permainan, penyelesaian masalah dan sebagainya. Ia dibentuk untuk membangkitkan suasana yang membantu merangsang proses interaksi dan penggunaan bahasa antara guru-pelajar dan sesama pelajar secara optimum.

f) Peranan guru sebagai fasilitator yang berwibawa:

Peranan guru yang secara tradisinya memiliki kuasa mengajar yang mutlak seperti seorang pengarah atau pemimpin ketenteraan perlu diubah. Ini adalah kerana kecekapan berbahasa pelajar tidak boleh dihasilkan melalui arahan dan paksaan.

Guru hendaklah menjadi seorang fasilitator yang mampu membimbing pelajar menggunakan strategi pembelajaran yang berbeza mengikut

kesesuaian tahap dan keperluan, menyelia latihan dan aktiviti pembelajaran dan membentuk pelajar menjadi lebih berkeyakinan untuk berdikari. Status guru bukan berdasarkan hiraku kuasa tetapi bergantung kepada kualiti hubungan yang terjalin dengan pelajar dan kesan positif pengaruhnya ke atas mereka.

g) Pembelajaran kendiri yang terancang:

Pembelajaran kendiri penting kerana pelajar tidak dapat mendampingi gurunya setiap masa. Mereka tidak boleh bergantung kepada suapan guru untuk memberitahunya apa yang perlu dilakukan atau bagaimana bahasa yang perlu digunakan. Pelajar perlu dididik supaya bertanggungjawab terhadap pembelajaran masing-masing termasuklah merancang sendiri masa belajar, mengurus cara belajar dan menilai tahap kemahiran masing-masing.

Penulis mencadangkan agar guru menyediakan berbagai alternatif bahan, soalan dan gerak kerja yang berbeza bagi setiap topik pelajaran mengikut tahap penguasaan pelajar. Pelajar hendaklah diberi peluang dan kepercayaan untuk memilih sendiri soalan, bahan dan bentuk aktiviti tugasan, mengubahsuainya dengan menyumbang idea dan pendapat yang baru dan seterusnya menentukan sendiri cara untuk menyiapkannya.

## **5.5 Saran Kajian Lanjutan**

Pengkaji lain yang berhasrat untuk melakukan penyelidikan berkaitan dengan strategi pembelajaran bahasa Arab boleh:

- 5.5.1 Mengkaji dan merangka senarai panduan strategi pembelajaran kecekapan bahasa Arab yang lebih terperinci ke atas kemahiran asas berbahasa iaitu strategi pembelajaran untuk memupuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelajar di peringkat asas samada di sekolah atau di kelas persediaan bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara. Ia juga boleh memberi faedah kepada pegawai yang berkhidmat sebagai jurucakap di sektor pelancongan, kewartawanan, penyiaran, perniagaan dan sebagainya.
- 5.5.2 Membuat kajian mengenai strategi pembelajaran komponen bahasa Arab seperti strategi pembelajaran nahu, şarf, retorik, kefahaman, penulisan karangan dan sebagainya. Kajian seperti ini diharap dapat memberi maklumat kepada Kementerian Pendidikan untuk merangka modul pembelajaran bahasa Arab yang bersepadu di sekolah.
- 5.5.3 Menjalankan kajian lanjutan dari perspektif guru terhadap peranannya sebagai fasilitator yang bijak mengatur strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar. Umpamanya bagaimana taktik yang boleh diambil oleh guru untuk membimbing pelajar mengorganisasikan pembelajaran mereka.

- 5.5.4 Melaksanakan kajian perbandingan perlaksanaan strategi pembelajaran antara bahasa Arab dengan beberapa bahasa yang dipelajari oleh pelajar Melayu di sekolah seperti, bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan sebagainya. Ini adalah kerana bahasa Arab kurang terdedah kepada kajian yang khusus melibatkan bidang pembelajaran berbanding dengan bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian perbandingan ini akan memberi manfaat kepada peningkatan penguasaan bahasa Arab di Malaysia.
- 5.5.5 Merangka kajian ke atas perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab dari berbagai sudut sepertikekangan melaksanakan strategi pembelajaran bahasa Arab dan cara mengatasinya, penggunaan teknologi ICT dalam perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab dan kesannya, kajian kes perbandingan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di sekolah harian, sekolah berasrama dan sekolah bestari dan lain-lain.

## **5.6 Penutup**

Bab ini telah membincangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan. Sebagai kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa strategi pembelajaran bahasa Arab merupakan tindakan yang spesifik yang dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Strategi pembelajaran bahasa Arab bersifat fleksibel dan terdedah kepada pengubahsuaian mengikut keperluan. Walaubagaimana pun, ia mestilah memelihara ciri-ciri asasnya iaitu :

- i- pembelajaran berpusatkan pelajar dan berorientasikan penerokaan, penemuan hasil dan penyelesaian masalah
- ii- membina kecekapan bahasa secara bersepadan (iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis),
- iii- set tingkahlaku, aktiviti dan teknik yang boleh dilihat
- iv- corak serta proses pemikiran dalaman yang tidak boleh dilihat.

Kajian ini penting kerana dapatan yang diperolehi boleh membantu mengatasi kesukaran pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi pelajar di samping mencadangkan suasana pembelajaran interaktif yang merangsang perkembangan kecekapan bahasa Arab. Gaya pembelajaran kendiri yang diterapkan pada pelajar juga memudahkan peranan guru sebagai fasilitator untuk merangka dan mengurus aktiviti dan tugas di kelas.

Sesungguhnya, usaha guru yang berperanan sebagai fasilitator dan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar merupakan faktor yang dapat membantu meningkatkan penguasaan berbahasa Arab di kalangan pelajar di Malaysia.